

17 NOV 1998

Pemuda-jentera

PM LANCAR JENTERA PILIHAN RAYA PEMUDA BN SABAH

SHAH ALAM, 17 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan jentera pilihan raya Pemuda Barisan Nasional (BN) Sabah di Stadium Tertutup Likas, Kota Kinabalu pada 27 Nov ini.

Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Hussein berkata majlis itu akan dihadiri oleh pemimpin tertinggi BN pusat dan negeri serta pemimpin pemuda parti-parti komponen BN Sabah.

"Pelancaran jentera ini adalah di antara beberapa perkara yang kita bincang pada mesyuarat Exco Pemuda Umno hari ini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat itu di Bangunan Umno Selangor, di sini.

Selain itu, mesyuarat berkenaan membincangkan mengenai usaha Pemuda Umno ke arah membina persefahaman dan kerjasama erat pemimpin pemuda parti komponen BN dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata untuk tujuan ini, satu program pemantapan kepimpinan Pemuda BN akan di adakan di Kem Bina Negara, Ulu Kenas, Perak dari 19 hingga 22 Nov ini.

Hisahmmuddin berkata seramai 210 orang pemimpin tertinggi Pemuda BN akan menghadirinya.

Selain itu, Exco Pemuda Umno juga bersetuju untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa bersama antara Pemuda Umno dan Persatuan Peniaga dan Penjaja Melayu Kecil Wilayah Persekutuan bagi memantapkan lagi kerjasama dalam hal ehwal perniagaan.

Beliau berkata perkara lain yang turut dibincang ialah Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) yang berlangsung sekarang dan meminta rakyat supaya sama-sama menjayakan persidangan itu dengan menjaga imej dan nama baik negara.

Pergerakan Pemuda Umno juga mengadakan Program Penerangan Khas mengenai hal ehwal semasa negara di Hotel Raddison di sini hari ini.

Ketua Penerangan Umno Datuk Dr Yusuf Noor melancarkan program itu yang dihadiri oleh Exco Pemuda, ketua-ketua pemuda negeri, bahagian dan ketua-ketua penerangan Pemuda bahagian.

-- BERNAMA

KM NAK